

ELAUN PAKAIAN PANAS [*PERKARA 5.7 PERINTAH AM BAB B*]

Kakitangan layak menuntut Elaun Pakaian Panas sebanyak RM1500 sekali dalam tempoh 3 tahun apabila dikehendaki bertugas di luar negeri di negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk.

Negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk bermakna negara/kawasan yang terletak di Utara Garisan Sartan dan negara/kawasan yang terletak di Selatan Garisan Jadi.

Elaun ini dituntut sebelum pegawai pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya 3 bulan selepas pulang dari luar negeri. Kelulusan elaun ini akan direkodkan di dalam buku rekod perkhidmatan kakitangan.